

**PELACURAN DI KALANGAN WANITA MELAYU KELANTAN
DARI 1900 SEHINGGA 1941**

Oleh

HARYATI HASAN

**Disertasi untuk
Memenuhi Keperluan Ijazah Sarjana Sastera di Fakulti Sastera dan
Sains Sosial, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.**

1998

Perpustakaan Universiti Malaya



A508392216

Dimikrofikasikan pada..... 22.04.99
No. Mikrofis..... HAD 14102
Jumlah Mikrofis..... 4

HAMSIAH BT. MOHAMAD ZAHARI

UNIT REPROGRAFI
PERPUSTAKAAN UTAMA
UNIVERSITI MALAYA

ISI KANDUNGAN

Penghargaan	ii
Singkatan kata	iv
Senarai peta	v
Senarai jadual	vi
Pengenalan	vii
Sinopsis	xi
Abstrak	xiii
Abstract	xiv
Bab 1: Kelantan di sekitar tahun-tahun 1900-1941	1-34
Bab 2: Bukti-bukti kewujudan pelacuran di Kelantan	35-69
Bab 3: Keadaan pelacuran di Kelantan	70-114
Bab 4: Punca berlakunya pelacuran	115-147
Bab 5: Sikap dan reaksi terhadap pelacuran	148-176
Bab 6: Undang-undang mencegah pelacuran	177-211
Kesimpulan	212-221
Bibliografi	222-250
Lampiran	251-284

PENGHARGAAN

Dalam usaha menyempurnakan kajian ini saya sangat terhutang budi kepada pihak-pihak tertentu serta orang perseorangan kerana telah sudi memberi pertolongan yang sangat-sangat diperlukan. Pertama kepada Prof. Dr. Ramlah Adam, penyelia saya yang telah meluangkan masanya yang sangat berharga untuk menelaah kajian ini dengan amat teliti serta memberikan pandangan dan ulasan yang membina. Saya juga terhutang budi kepada keluarga kerana memahami dan memberikan sokongan moral serta kewangan untuk menyiapkan tesis ini.

Dirakamkan juga penghargaan kepada Mufti Kerajaan Kelantan Datuk Haji Hasbullah Mohd. Hasan, Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Kelantan Haji Mohd. Abdul Aziz Mohd. Nor dan Kadi Besar Kelantan Datuk Haji Daud bin Muhammad kerana telah meluangkan masa membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kajian dan menyarankan beberapa perkara penting untuk kajian. Diucapkan juga terimakasih kepada Encik Abdullah Azmi Khalid, Datuk Mohd. Pilus dan Datin Maheran, Mohamed bin Jaffar dan Abdullah Mohamed (Nakula) serta Cikgu Habshah sekeluarga yang telah memberikan pandangan membina semenjak awal saya membuat kajian ini.

Penghargaan juga diberikan kepada Dr. Syed Husin Ali dan Puan Sabariah yang telah memberikan petunjuk dan pandangan yang membina dalam memperkemaskan lagi tesis ini. Tidak lupa juga dirakamkan penghargaan yang tinggi kepada Prof. Omar Farouk Bajunid yang telah menyemak deraf tesis, memberi

perangsang dan dorongan serta mengambil tahu hal-hal kajian dari masa ke semasa supaya menyiapkan tesis dalam tempoh yang ditetapkan.

Dirakamkan juga penghargaan kepada semua pensyarah di Jabatan Sejarah khususnya Prof. Dr. Abdullah Zakaria dan Encik Siva serta rakan-rakan seperjuangan Kak Aishah, Pian, Din, Zul, Midin, Khal, Kie, Nasri dan Zedrin yang dari masa ke semasa mengambil tahu perkembangan kajian dan memberikan motivasi untuk menyiapkan tesis.

Dirakamkan juga penghargaan yang tidak terhingga kepada kakitangan Arkib Negara, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti Malaya, Perpustakaan Negeri Kelantan, Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan serta orang perseorangan yang telah memberikan kerjasama.

Akhir sekali diucapkan penghargaan yang tinggi kepada Dr. Mohd. Harun yang selama ini telah sudi mendengar dan membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan kajian, walaupun ia tiada relevan dengan profesi beliau. Kepada mereka yang telah memberi kerjasama tetapi tidak mungkin disebutkan semuanya di sini, sumbangan mereka tetap dihargai.

Mei, 1998.

Haryati binti Hasan,
Jabatan Sejarah,
Universiti Malaya.

SINGKATAN KATA

Annual Report Kelantan	ARK
British Adviser Kelantan	BAK
Colonial Office	C.O.
Education Department Kelantan	EDK
Journal of the Malayan/Malaysian Branch Royal Asiatic Society	JMBRAS
Kelantan Administration Report	KAR
Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan	MAIK
Malaysia Branch of the Royal Asiatic Society	MBRAS
Medical Department Kelantan	MDK
Pejabat Balai Kelantan	PBK
Pejabat Menteri Kelantan	PMK
Setiusaha Kerajaan Kelantan	SUK
Surat Persendirian	SP
Venereal Disease	VD

SENARAI PETA

Peta 1 : Kelantan pada tahun 1931	1
Peta 2 : Kelantan	60
Peta 3 : Bandar Kota Bharu di sekitar tahun 1900	76
Peta 4 : Bandar Kota Bharu di sekitar tahun 1910.	78

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1	: Nilai eksport dan import Kelantan bagi tahun 1927-1934	17
Jadual 1.2	: Pendapatan dan perbelanjaan Kelantan 1911-1934	19
Jadual 1.3	: Komposisi bangsa di Kelantan 1911-1941	22
Jadual 2.1	: Senarai nama dan kedudukan barua (ibu atau bapa ayam) yang masyhur di Kota Bharu bagi tahun 1916	46
Jadual 2.2	: Senarai nama dan kawasan kegiatan pelacur di jajahan Tumpat bagi tahun 1917	50
Jadual 2.3	: Senarai nama dan kawasan kegiatan pelacur di jajahan Tumpat bagi tahun 1923	51
Jadual 2.4	: Senarai nama pelacur di dalam bandar Pasir Mas bagi tahun 1917	54
Jadual 3.1	: Pelacur yang telah ditangkap di sekitar Kota Bharu bagi tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937	71
Jadual 3.2	: Pelacur yang telah ditangkap di jajahan Tumpat dan Pasir Mas bagi tahun 1917 dan 1923	73
Jadual 3.3	: Kedudukan (kawasan kegiatan) pelacur di bandar Kota Bharu bagi tahun 1916, 1917, 1923 dan 1937	80
Jadual 3.4	: Rumah persendirian yang menjadi kawasan kegiatan pelacur pada tahun 1916	88
Jadual 4.1	: Jangkamasa perceraian di kalangan pelacur	122
Jadual 4.2	: Pendapatan bulanan pelacur simpanan	134

PENGENALAN

Kajian ini meneliti satu lagi cabang Sejarah Sosial. Sejarah sosial adalah suatu bidang yang masih terabai di Malaysia. Pada umumnya Sejarah Politik dan Pentadbiran lebih menarik minat para pengkaji. Hal ini telah mengakibatkan ketidakseimbangan di dalam usaha memahami dan menulis sejarah tanahair. Tesis ini merupakan suatu usaha kecil buat mengimbangi keadaan yang kurang sihat ini. Di antara tujuannya ialah untuk menghasilkan satu penelitian dan penulisan ilmiah berhubung dengan Sejarah Sosial negara. Di samping itu juga kajian ini dapat membantu membangkitkan kesedaran mengenai kepentingan Sejarah Sosial.

Kajian ini berjudul “Pelacuran di Kalangan Wanita Melayu Kelantan dari 1900 sehingga 1941.” Persoalan ini dipilih kerana tidak terdapat satu pengkajian yang terperinci tentang peringkat awal pelacuran di Tanah Melayu. Apa yang terdapat ialah pengkajian mengenai pelacuran di Singapura. Maka salah satu tujuan tesis ini ialah untuk mengemukakan gambaran yang nyata tentang pelacuran di kalangan wanita Melayu Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua. Adanya gambaran ini tentu membolehkan kita memahami keadaan pelacuran dan lain-lain keruntuhan moral di Tanah Melayu sebelum Perang Dunia Kedua atau selepasnya.

Perkara-perkara yang akan dibincangkan ialah Kelantan di sekitar tahun-tahun 1900 sehingga 1941, bukti-bukti kewujudan pelacuran di Kelantan pada tempoh tersebut dan keadaan pelacuran di Kelantan. Selain itu, punca berlakunya pelacuran, sikap dan reaksi terhadap pelacuran serta undang-undang mencegah pelacuran akan diberi perhatian.

Jangkamasa yang dipilih dalam kajian ini adalah dari tahun 1900 hingga 1941. Pemilihan jangkamasa tersebut adalah di atas sebab-sebab tertentu. Pertamanya, kerana era tersebut menyaksikan banyak perubahan. Peningkatan perhubungan dengan dunia luar telah membawa kesan yang besar ke negeri ini dari segi perkembangan ekonomi, pendidikan, masyarakat majmuk dan nasionalisme Melayu.

Kedua, kekurangan sumber sebelum abad kedua puluh menjadikan pemilihan jangkamasa kajian ini suatu langkah praktikal. Kajian berakhir pada tahun 1941 kerana dengan tercetusnya Perang Dunia Kedua suatu tahap utama pentadbiran British di Tanah Melayu telah tamat.

Pada terasnya kajian ini adalah suatu kajian sejarah. Pendekatan yang diambil ialah pendekatan metodologi sejarah yang mengutamakan urutan. Interpretasi yang dibuat adalah berdasarkan rekod-rekod rasmi yang menyentuh semua faktor seperti sosial, ekonomi dan politik.

Bahan-bahan yang digunakan ialah bahan *primary* dan bahan *secondary*. Bahan *primary* terdiri daripada fail-fail dari Majlis Agama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan, Pejabat Balai Kelantan, Pejabat Menteri Kelantan dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan, serta Surat Persendirian. Rekod-rekod British, Laporan Tahunan serta akhbar dan majalah juga dirujuk. Temubual juga dilakukan. Bahan *secondary* yang digunakan ialah penulisan yang terdapat dalam buku, rencana dan tesis.

Semasa menjalani kajian penyelidikan, penulis telah menghadapi beberapa kesulitan atau masalah. Pertamanya mengenai penggunaan istilah-istilah seperti *masyhur*, *bermain*, *loteng*, *gudang* dan *gok*. Istilah-istilah tersebut dikekalkan kerana jika diterjemah, dikhuatiri akan terseleweng dari maksud asal.

Keduanya, mengenai penggunaan nama-nama jalan atau lorong. Penggunaan nama-nama asal dirasakan lebih sesuai dalam konteks kajian. Ini kerana, jalan-jalan yang dimaksudkan itu adalah tidak sama keadaannya dengan jalan-jalan yang ada pada hari ini. Misalnya, Lorong Tuar yang hari ini dikenali Lorong Che Kadir adalah sangat berbeza. Penggunaan nama-nama “moden” dikhuatiri akan menimbulkan kekeliruan dari segi imej pengkisahan.

Ketiganya mengenai data-data statistik. Didapati data-data kurang tepat dan sukar difahami. Dalam hubungan ini penulis telah membuat carta-carta dan jadual berpandukan fakta asal dan hasil pemahaman penulis. Selain itu kebanyakan fail-fail atau bahan *primary* berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan seperti tulisannya kabur, tidak tersusun dan tidak tercatat nombor muka surat. Oleh itu terdapat sebahagian daripada sumber rujukan yang tidak dapat dimunafaatkan atau tidak dapat ditulis muka suratnya.

Masalah lain ialah mengenai temubual. Penulis dalam kajian ini tidak menjalankan temubual secara formal dengan pelacur dan pelanggan memandangkan kajian ini adalah di antara tahun 1900-1941; maka adalah sukar untuk menemui pelacur yang masih hidup. Terdapat juga yang telah insaf dan tidak bersedia untuk ditemubual. Walau bagaimanapun terdapat dua orang bekas pelacur telah ditemubual. Kedua-duanya

pernah menjadi pelacur sebelum Perang Dunia Kedua. Bagi mengatasi masalah ini penulis telah mengambil kes-kes dakwaan MAIK yang meliputi jangkamasa 1915 sehingga 1941 (tarikh MAIK ditubuhkan sehingga menjelangnya Perang Dunia Kedua). Kenyataan enam puluh enam orang pelacur diambil daripada dakwaan pihak MAIK.

Temubual secara tidak formal atau “casual interview” telah dilakukan dengan beberapa orang atau pihak berkenaan yang dipercayai dapat membantu dan memberi nasihat kepada penulis. Antaranya Mufti Kerajaan Kelantan, Kadi Besar Kelantan, bekas polis dan orang awam (senarai terperinci mengenai mereka dicatatkan di bahagian bibliografi). Penulis juga telah menemubual seramai 19 orang lelaki yang berusia di antara 66 tahun hingga 81 tahun. Sebahagian daripadanya mengakui sebagai pelanggan sejak muda lagi. Pengakuan mereka ini amat penting kerana ia dapat memberikan gambaran mengenai keadaan pelacuran sebelum Perang Dunia Kedua. Walau bagaimanapun senarai yang terperinci berkenaan orang yang ditemubual tidak dapat dicatatkan atas permintaan mereka. Oleh itu penulis terpaksa menggunakan nama dan tempat samaran. Senarai mereka yang ditemubual dicatatkan pada bahagian bibliografi.

SINOPSIS

Disertasi ini merupakan kajian tentang pelacuran di kalangan wanita Melayu Kelantan dari 1900 sehingga 1941. Disertasi ini terbahagi kepada tujuh bab termasuk bab kesimpulan.

Bab pertama mengambarkan corak hidup masyarakat Melayu Kelantan pada umumnya. Kegiatan serta peristiwa-peristiwa yang berlaku di sekitar tahun 1900 sehingga 1941 akan ditonjolkan. Tinjauan ini dibuat adalah untuk melihat dan memahami keadaan yang wujud di kalangan orang-orang Melayu Kelantan pada masa itu. Untuk meninjau keadaan masyarakat Melayu Kelantan dengan lebih dekat lagi adalah perlu bagi kita menyentuh tentang soal-soal kedudukan dari segi geografi, sejarah pentadbiran dan ekonomi. Selain itu aspek penduduk dan masyarakat juga akan dibincangkan. Perbincangan ini perlu kerana hal ini mencakup isu-isu utama yang mencirikan keadaan satu-satu masyarakat. Kedudukan wanita di dalam masyarakat Melayu Kelantan akan diberi perhatian khusus memandangkan bahawa kajian ini adalah berfokus kepada wanita.

Bab kedua menghalkan mengenai bukti-bukti kewujudan pelacuran di Kelantan. Bab ini bermula dengan satu tinjauan mengenai definisi pelacuran. Seterusnya perbincangan ditumpukan kepada bukti-bukti kewujudan pelacuran di Kelantan dari 1900 sehingga 1941. Kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan dapat dibuktikan melalui tulisan-tulisan Munshi Abdullah dan Tok Kenali. Hal ini diperjelaskan lagi oleh Mufti Kerajaan Kelantan dan rekod MAIK serta undang-undang pencegahan. Selain itu

kewujudan rumah-rumah pelacuran dan penyakit kelamin turut menjadi bukti tentang kewujudan kegiatan pelacuran di Kelantan pada zaman tersebut.

Bab ketiga mengkaji tentang keadaan pelacuran. Perbincangan akan ditumpukan kepada empat perkara penting. Pertamanya, mengenai bilangan pelacur yang telah ditangkap sebelum Perang Dunia Kedua akan dikemukakan. Kedua, tempat-tempat yang menjadi tumpuan golongan ini juga dibincangkan. Ketiga mengenai pelanggan akan diperkatakan. Akhir sekali mengenai peranan ibu atau bapa ayam di dalam mendalangi kegiatan pelacuran ini akan dihuraikan.

Bab keempat akan mengesan punca berlakunya pelacuran. Tumpuan perbincangan ialah kepada lima perkara pokok iaitu perceraian, keruntuhan moral, keinginan mendapat kehidupan senang dengan jalan mudah, kemiskinan dan terpedaya.

Bab kelima akan mengkaji sikap dan reaksi terhadap pelacuran. Tumpuan perbincangan kepada golongan yang tidak terlibat di dalam kegiatan pelacuran. Golongan yang berperanan penting di dalam membanteras kegiatan pelacuran terdiri daripada orang awam dan institusi kerajaan.

Bab keenam akan membincangkan secara khusus mengenai undang-undang mencegah pelacuran. Kerajaan Kelantan telah memperkenalkan undang-undang untuk membanteras kegiatan pelacuran. Jenis undang-undang itu, perlaksanaan dan keberkesanannya akan dibahas.

Bab kesimpulan menghubungkaitkan setiap aspek pelacuran yang telah dibincangkan dalam bab-bab sebelumnya.

ABSTRAK

Pelacuran merupakan permasalahan sejagat yang berlaku hampir di kesemua negara di dunia. Di Kelantan, kegiatan ini mulai dikesan sejak awal abad ke sembilan belas. Catatan pengembala dan tulisan tempatan membuktikan akan hal ini. Selain itu hasil tangkapan MAIK dan rekod penyakit kelamin serta undang-undang pencegahan telah mengukuhkan lagi bahawa sememangnya kegiatan pelacuran terdapat hampir di kesemua jajahan di Kelantan. Kewujudan permasalahan ini berhubung kait dengan corak hidup masyarakat Melayu Kelantan sebelum Perang Dunia Kedua.


Tumpuan perbincangan juga turut berkisar ke atas empat perkara pokok iaitu pelacur itu sendiri, kawasan kegiatan, pelanggan dan ibu atau bapa ayam. Keempat-empat komponen tersebut telah membentuk keadaan pelacuran di Kelantan. Selain itu perbincangan turut menyentuh mengenai faktor-faktor yang mendorong seseorang itu menjadi pelacur. Faktor-faktor tersebut ialah keruntuhan institusi perkahwinan, keruntuhan moral dan ceteknya pengetahuan agama, ingin hidup senang dengan jalan mudah, kemiskinan dan terpedaya. Kegiatan pelacuran tidak dibiarkan usaha pembanterasan ditangani oleh orang awam dan institusi kerajaan. Undang-undang mencegah pelacuran merupakan salah satu usaha yang dilaksanakan untuk membasmikan kegiatan tersebut.

ABSTRACT

Prostitution is a universal problem for it exists practically in every country of the world. In Kelantan, the activity of prostitution can be traced to the early part of the nineteenth century as is evident from the writings of foreign visitors as well as locals. In addition, cases compiled by MAIK, records of sexually transmitted diseases and preventive laws enforced confirmed their prostitution existed in almost all the districts of Kelantan. The prevalence of this problem is directly related to the local life style of the Kelantanese Malays before the Second World War.

In this thesis an attempt will be made to cause four major areas namely the prostitutes, areas of activities, clients, and intermediaries or pimps. All these four components are important to explain the situation of prostitution in Kelantan. Factors leading women to prostitution would also be discussed. These are especially broken marriages, moral decadence owing to a lack of religious knowledge, the desire to live well through easy means and the problem of poverty. Finally, measures taken by public servants and individuals to eradicate this problem will also be discussed in addition to the existing preventive laws.

Peta 1: Kelantan pada tahun 1931



Sumber: Annual Report Medical Department Kelantan, 1930.